



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENDEKATAN KEMPEN PENDIDIKAN BAGI MENIMBULKAN KESEDARAN TERHADAP PENIPUAN CINTA SIBER DI NEGERI SELANGOR

CHEW LEONG WEI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
ptbupsi

KEBERKESANAN PENDEKATAN KEMPEN PENDIDIKAN BAGI MENIMBULKAN KESEDARAN TERHADAP PENIPUAN CINTA SIBER DI NEGERI SELANGOR

CHEW LEONG WEI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN) (MOD PENYELIDIKAN
DAN KERJA KURSUS)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **20** (hari bulan) **9** (bulan) **2019**

i. **Perakuan pelajar :**

Saya, **Cheat Leong Wei, M20152001567, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Kempen Pendidikan Bagi Menimbulkan Kesedaran Terhadap Penipuan Cinta Siber Di Negeri Selangor** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia :**

Saya, **Prof. Madya Dr. Ramlee Ismail** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Kempen Pendidikan Bagi Menimbulkan Kesedaran Terhadap Penipuan Cinta Siber Di Negeri Selangor** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

Keberkesanan Pendekatan Kempen Pendidikan Bagi
Menimbulkan Kesedaran Terhadap Penipuan Cinta Siber Di
Negeri Selangor

No. Matrik / Matric No.:

M20152001567

Saya / I :

Chew Leong Wei

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya rasa bersyukur kerana diberkati dengan kekuatan, semangat, dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini. Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Ramlee bin Ismail. Beliau telah banyak memberi sokongan, dorongan, bantuan, dan bimbingan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua profesor dan pensyarah yang telah mengajar dan membimbung saya sepanjang pengajian ini. Semoga sumbangan mereka ini diberkati oleh Tuhan. Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini terutamanya pihak pengurusan ibu pejabat daerah polis kajian dan masyarakat yang bersedia menjadi responden bagi kajian ini kerana telah memberi kerjasama yang sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan. Saya juga merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga buat isteri tersayang, Hwa Jook Wei di atas segala pengorbanan, dorongan, dan kesabaran beliau mengiringi saya menempuh segala kekangan dan cabaran sepanjang tempoh pengajian ini dan pengorbanan ini tidak akan disia-siakan. Begitu juga buat ibu bapa dan ahli keluarga yang turut menjadi sumber inspirasi dan semangat ketika menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak menghulurkan bantuan, motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap penipuan cinta siber di negeri Selangor. Kajian ini juga menilai tahap penerimaan dan tahap kepuasan masyarakat terhadap pendekatan kempen dalam menangani masalah sosial yang semakin serius ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian sebelum dan selepas intervensi. Sebanyak 400 orang responden yang berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data yang diperlukan bagi kajian ini. Dapatkan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ujian-t sampel berpasangan. Min skor bagi ujian pra ialah 37.55 dengan sisihan piawai 13.83 manakala min skor bagi ujian pos ialah 55.47 dengan sisihan piawai 8.65. Dapatkan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan pada tahap kesedaran responden sebelum dan selepas pendidikan kempen kesedaran diadakan ($p=.000$, $p<.05$). Di samping itu, purata min skor bagi tahap penerimaan responden ialah 3.81 dan 3.90 bagi tahap kepuasan responden. Ini bermaksud tahap penerimaan dan tahap kepuasan responden terhadap penggunaan pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap penipuan cinta siber adalah tinggi. Secara keseluruhannya, pendekatan kempen pendidikan adalah berkesan dalam menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber yang berlaku di negeri Selangor dan perlu dilakukan secara berkala. Implikasinya, kajian ini menunjukkan bahawa kempen pendidikan harus dilaksanakan oleh agensi berkaitan bagi menimbulkan kesedaran terhadap sesuatu masalah sosial yang berlaku.





THE EFFECTIVENESS OF EDUCATIONAL CAMPAIGN IN CREATING AWARENESS TOWARDS LOVE SCAM IN THE STATE OF SELANGOR

ABSTRACT

This study was aimed to determine the effectiveness of educational campaign in creating awareness towards love scam in the state of Selangor. This study also assessed the respondents' acceptance and satisfaction regarding the use of educational awareness campaign approach to deal with this serious social problem. This study was a quantitative research and it was carried out experimentally using the pre and post test. The total of 400 respondents aged between 31 to 40 years old were randomly selected for the purpose of this study. Data were analyzed using descriptive statistics, percentage frequency distribution, and paired sample t-test. The mean score for the pre test is 37.55 with a standard deviation of 13.83 while the mean score for the post test is 55.47 with a standard deviation of 8.65. Therefore, the apparent improvement in scores from pre test to post test showed significant differences ($p=.000$, $p<.05$) in the respondents' level of awareness before and after the educational awareness campaigns are held. Additionally, the average mean score for the respondent's level of acceptance is 3.81 and 3.90 for their level of satisfaction. This indicated that the level of acceptance and satisfaction of the respondents towards using educational campaign in handling love scam cases were high. Overall, results showed that educational campaign is effective in creating awareness towards love scam in the state of Selangor and needs to be done periodically. The implication of this study suggested that educational campaign can be implemented by relevant agencies in raising awareness towards social problems occurred.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	x
------------------	---

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----



SENARAI SINGKATAN	
--------------------------	--

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Teori	11
1.8 Kerangka Konsep	13
1.9 Definisi Operasional	15





1.9.1 Keberkesanan	15
1.9.2 Pendidikan Kempen Kesedaran	15
1.9.3 Penipuan	16
1.9.4 Cinta Siber	16
1.10 Kepentingan Kajian	17
1.10.1 Kepentingan kepada Pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat	17
1.10.2 Kepentingan kepada Masyarakat	17
1.10.3 Kepentingan kepada Penyelidik	18
1.11 Skop dan Batasan Kajian	19
1.12 Rumusan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1 Pengenalan	22
2.2 Penipuan Cinta Siber	23
2.3 Pelaksanaan Kempen Pendidikan	26
2.3.1 Pra Kempen	27
2.3.2 Semasa Kempen	28
2.3.3 Pasca Kempen	28
2.4 Keberkesanan Kempen Pendidikan	29
2.5 Persepsi Terhadap Kempen Pendidikan	31
2.6 Teori KAP (Pengetahuan, Sikap dan Amalan)	33
2.6.1 Pengetahuan	33
2.6.2 Sikap	34
2.6.3 Amalan	35
2.7 Teori Pemasaran Sosial	36





2.7.1	Produk	37
2.7.2	Kos	38
2.7.3	Tempat	39
2.7.4	Promosi	39
2.8	Rumusan	40

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	43
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Bahagian A	46
3.5.2	Bahagian B	46
3.5.3	Bahagian C	47
3.5.4	Bahagian D	47
3.6	Kajian Rintis	48
3.6.1	Pengesahan Instrumen Kajian	50
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	57
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.8	Kaedah Penganalisis Data	60
3.9	Rumusan	61

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Demografi Responden	63
4.3	Tahap Kesedaran Responden Berkenaan Penipuan Cinta Siber Sebelum dan Selepas	66





Kempen Pendidikan

4.4	Keberkesanan Pendekatan Kempen Pendidikan Bagi Menimbulkan Kesedaran Masyarakat Berkenaan Penipuan Cinta Siber	82
4.5	Tahap Penerimaan Responden Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan Penipuan Cinta Siber	86
4.6	Tahap Kepuasan Responden Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan Penipuan Cinta Siber	94
4.7	Rumusan	102

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Rumusan Kajian	104
5.3	Perbincangan	117
5.4	Cadangan	121
5.4.1	Cadangan kepada Agensi Penguatkuasa	121
5.4.2	Cadangan kepada Masyarakat	122
5.4.3	Cadangan kepada Penyelidik Masa Depan	123
5.5	Limitasi	123
5.6	Rumusan	124
	RUJUKAN	126

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	45
3.2	Pengkelasan Skala Likert	46
3.3	Pengkelasan Skala Likert	47
3.4	Pengkelasan Skala Likert	48
3.5	Analisa Korelasi Pearson Tahap Kesedaran Terhadap Penipuan Cinta Siber	51
3.6	Analisa Korelasi Pearson Tahap Penerimaan Terhadap Kempen Pendidikan	53
3.7	Analisa Korelasi Pearson Tahap Kepuasan Terhadap Kempen Pendidikan	55
3.8	Analisa Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	57
3.9	Pengkelasan Skala Likert	60
3.10	Rumusan Kaedah Penganalisis Data	61
4.1	Latar Belakang Responden	63
4.2	Analisa Kekerapan dan Peratusan Tahap Kesedaran Sebelum Kempen Pendidikan	67
4.3	Analisa Kekerapan dan Peratusan Tahap Kesedaran Selepas Kempen Pendidikan	75
4.4	Analisa Ujian T Sampel Berpasangan	83
4.5	Analisa Kekerapan dan Peratusan Tahap Penerimaan Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan	86
4.6	Analisa Kekerapan dan Peratusan Tahap Kepuasan Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan	94





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori Kajian	12
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1 Carta Aliran Kerja Kempen Pendidikan	29





SENARAI SINGKATAN

ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
SMS	Sistem Pesanan Ringkas
JSJK	Jabatan Siasatan Jenayah Komersil
ATM	Mesin Automatik
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PDRM	Polis Diraja Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A1 Muka Surat Depan Borang Soal Selidik
- A2 Bahagian A: Maklumat Demografi
- A3 Bahagian B: Penilaian Tahap Kesedaran Tentang Penipuan Cinta Siber
- A4 Bahagian C: Penilaian Tahap Penerimaan Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan
- A5 Bahagian D: Penilaian Tahap Kepuasan Terhadap Pendekatan Kempen Pendidikan
- A6 Contoh Bahan Ceramah Kempen Pendidikan





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara keseluruhan tentang kajian yang diuraikan dalam beberapa sub tajuk iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian. Selain itu, definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini juga turut dibincangkan.

Latar belakang kajian merupakan penerangan ringkas kepada kajian kerana ia merangkumi segala aspek yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian ini. Permasalahan kajian pula menghuraikan faktor-faktor yang mendorong kepada kajian ini berdasarkan permasalahan yang timbul pada sebelumnya. Di





samping itu, objektif dan persoalan kajian juga turut dibincangkan untuk mengupas dengan terperinci persoalan yang ingin dicapai melalui kajian ini. Hipotesis kajian juga dibincangkan dalam bab ini untuk membuat jangkaan awal tentang hasil kajian berdasarkan hubung kait antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini. Selain daripada itu, kepentingan kajian dalam bab ini juga memperincikan secara jelas faedah yang diperoleh daripada dapatan kajian kepada kumpulan tertentu. Seterusnya, skop dan batasan kajian yang menjelaskan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh penyelidikan dalam kajian ini supaya dapat memahami sempadan kajian yang dilaksanakan.

1.2 Latar Belakang Kajian



Pada era globalisasi ini, tidak dapat dinafikan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memainkan satu peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita. Penggunaan dan pengetahuan berkenaan ICT menjadi salah satu perkara yang wajib dikuasai oleh setiap manusia. Hampir setiap saat orang menggunakan ICT untuk menguasai dan menguruskan hampir setiap perkara dalam kehidupan harian. Seperti frasa ayat yang semakin popular diperkatakan pada kebelakangan ini, iaitu "semuanya di hujung jari anda". Manusia dan ICT seakan tidak boleh dipisahkan kerana ia telah menjadi satu keperluan dalam menjalani kehidupan harian.



Perkembangan ICT yang semakin canggih telah mendatangkan banyak faedah kepada negara kita. Kebanyakan pengurusan dan pentadbiran negara menjadi lebih sistematik dan teratur. Kegunaan ICT telah mempermudah dan mempercepatkan pelbagai urusan kerajaan mahupun swasta seperti pembayaran bil, urusan perbankan, permohonan kerja, membeli-belah dan sebagainya. Dengan menggunakan ICT, kita kini tidak perlu lagi beratur panjang semata-mata untuk membayar bil utiliti di kaunter atau membeli sesuatu barang di pusat membeli-belah. Ini secara langsung dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga wang kerajaan serta rakyat sendiri. Kemajuan ICT ini dapat mendorong negara kita untuk menjadi semakin maju dan cekap supaya dapat mencapai wawasannya dan seterusnya mencipta nama di persada dunia ini.



Di samping itu, ICT bukan sahaja membantu dalam pentadbiran dan pengurusan negara, ia juga dapat memudahkan kita dalam memperolehi maklumat-maklumat tentang segala selok belok hal atau perkara yang berlaku di seluruh dunia ini pada bila-bila masa. ICT telah memberi sumbangan yang besar kepada bidang pendidikan kerana dengan adanya ICT, para pelajar dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan mereka terhadap sesuatu subjek yang dipelajari. Selain itu, ICT juga menggalakkan pembelajaran persendirian kerana pelajar dapat mengakses pelbagai bahan dan sumber maklumat mengikut keperluan sendiri tanpa menggunakan banyak kos, malah ada yang boleh diakses secara percuma di luar waktu persekolahan. Menurut Fakhru (2002), sumber percuma dalam internet banyak mendatangkan keuntungan kepada pengguna untuk tujuan pembelajaran dan juga bidang-bidang lain. Para pelajar juga dapat berinteraksi dengan orang lain dari serata dunia untuk perkongsian maklumat secara kolaboratif.



Jika ditinjau secara lebih mendalam lagi, ICT juga dapat mempercepatkan hubungan antarabangsa. Dengan adanya ICT, dunia seakan-akan menjadi tanpa sempadan. Kita dapat berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh pelusuk dunia melalui pelbagai laman sosial internet seperti E-mel, sistem pesanan ringkas (SMS), *Facebook*, *Skype*, *Instagram*, *Wechat*, *Whatsapp* dan sebagainya. Kita juga dapat menghubungi sesiapa sahaja pada bila-bila masa dan tanpa mengira di mana kita berada dengan menggunakan telefon bimbit. Walaupun berjauhan, tetapi dengan adanya ICT, jarak tidak lagi menjadi penghalang dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan atau persahabatan dan ini secara langsungnya dapat mengurangkan jurang antara manusia tanpa batasan sempadan.

Sesuatu perkara yang dicipta mesti ada baik dan buruknya. Seperti yang dibincangkan, kecanggihan ICT telah mendatangkan banyak manfaat dalam kehidupan harian kita. Namun, pada masa yang sama, perkembangan ICT ini telah memberi beberapa impak negatif yang boleh membawa kemudaratian antaranya ialah kes penipuan cinta siber yang semakin mengancam dan membimbangkan. Menurut statistik yang diperolehi pada tahun 2017 daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, jumlah kes penipuan cinta siber yang dilaporkan di negeri Selangor menunjukkan peningkatan mendadak daripada tahun 2014 hingga tahun 2016. Pada tahun 2014, seramai 271 kes yang melibatkan nilai kerugian lebih kurang RM14 juta telah dilaporkan di negeri Selangor dan ia meningkat kepada 635 kes yang melibatkan nilai kerugian lebih kurang RM 27 juta pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 134.31 peratus. Namun begitu, jumlah sebenar mangsa dan nilai kerugian kes penipuan cinta siber yang berlaku di negeri Selangor dipercayai





lebih besar daripada yang disedia maklum kerana bukan semua mangsa membuat laporan kepada polis atas faktor rasa malu dengan keluarga dan masyarakat.

Berdasarkan statistik yang diperoleh, sasaran kes penipuan cinta siber ini tidak kenal jantina, usia, status perkahwinan, status sosial ekonomi, tahap akademik, jenis pekerjaan, dan pangkat. Ini bermakna sesiapa sahaja pun boleh terjerat dalam perangkap sindiket penipuan ini. Namun kebanyakan mangsa yang tertipu dalam kes penipuan cinta siber di negeri Selangor adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun.

Kebiasaanya, sindiket kes penipuan cinta siber ini adalah terdiri daripada warga Afrika dan Nigeria (Nawawi, 2013). Sindiket ini akan menggunakan identiti palsu dalam laman sosial dengan memaparkan kekayaan dan kekacukan atau kecantikan melalui gambar-gambar profil sebagai umpan untuk menjerat mangsa. Kaedah pelaksanaan atau modus operandi mereka adalah amat tersusun dan berstruktur kerana mereka mempunyai buku skrip yang mengandungi ayat-ayat cinta yang cukup romantik untuk memperdaya dan mencairkan hati mangsa (Koon & Yoong, 2013).

Strategi yang paling biasa digunakan untuk menjerat mangsa adalah dengan memberitahu bahawa dia telah mengirim hadiah istimewa kepada mangsa tetapi hadiah tersebut telah ditahan oleh seorang suspek yang menyamar sebagai pihak berkuasa. Mangsa seterusnya akan menerima panggilan daripada pihak berkuasa tersebut dan diminta memasukkan sejumlah wang ke akaun yang diberi sebagai kos pengurusan melepaskan hadiah tersebut. Ada juga strategi lain yang digunakan seperti



meminta pertolongan mangsa supaya membantunya dari segi kewangan ekoran masalah yang dihadapi setelah lama berkenalan. Kadang-kala, suspek akan memberi janji manis yang tidak wujud seperti bersetuju untuk berkahwin dengan mangsa sebagai salah satu taktik lapuk untuk lagi meyakinkan mangsa.

Walaupun pelbagai berita berkenaan kes penipuan cinta siber disiarkan melalui media massa untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat (Utusan Malaysia, 27 September 2018), masih terdapat ramai orang yang terjerumus dalam kancalah penipuan cinta siber setiap hari. Ini menunjukkan bahawa masyarakat masih kurang peka dengan perkara ini. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan baik, ia bakal menyumbang kepada masalah sosial yang lebih besar. Mangsa kes penipuan cinta siber bukan sahaja mengalami kerugian dalam bentuk wang tetapi juga emosi yang boleh mendorong berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti membunuh diri. Oleh sedemikian, tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang kes penipuan cinta siber perlu ditingkatkan lagi supaya masalah ini tidak terus menular.

1.3 Permasalahan Kajian

Berpandukan statistik yang dibekalkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman, jumlah kes penipuan cinta siber yang dilaporkan di negeri Selangor adalah paling banyak dalam Malaysia sejak tahun 2014 hingga 2016. Bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, negeri Selangor adalah negeri yang paling banyak mencatatkan kes penipuan cinta siber berbanding dengan negeri lain dengan mencatatkan kes sebanyak

26.3% (2014), 24.0% (2015) dan 24.3% (2016) daripada jumlah kes penipuan cinta siber yang berlaku dalam Malaysia. Jumlah kes penipuan cinta siber yang dilaporkan di negeri Selangor semakin meningkat daripada tahun 2014 hingga tahun 2016. Pada tahun 2014, seramai 271 kes yang melibatkan nilai kerugian lebih kurang RM14 juta telah dilaporkan di negeri Selangor dan ia terus meningkat kepada 437 kes yang melibatkan nilai kerugian lebih kurang RM 15 juta pada tahun 2015. Pada tahun berikutnya, kes penipuan cinta siber masih meningkat dengan peningkatan sebanyak 198 kes berbanding dengan tahun sebelumnya. Fenomena ini adalah semakin serius dan membimbangkan kerana kes penipuan cinta siber ini bukan sahaja melibatkan kerugian dalam bentuk wang, tetapi juga tekanan perasaan mangsa yang tertipu. Mangsa mungkin akan mengalami kemurungan selepas ditinggalkan oleh 'teman lelaki' atau 'teman wanita' yang hanya wujud dalam alam maya. Ini akan mendorong kepada masalah sosial yang lebih besar dan serius. Walaupun pelbagai berita berkenaan kes penipuan cinta siber disiarkan melalui media massa untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat, masih terdapat ramai orang yang tidak mengambil iktibar dan sudi diperalatkan oleh seseorang yang tidak pasti kebenaran dan kesahihannya.

Pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam menangani jenayah siber yang berlaku di negara kita. Salah satunya ialah Polis Diraja Malaysia telah meningkatkan usaha menangkap dan mendakwa individu yang terlibat dalam kes penipuan cinta siber (Bernama 5 March 2018; dan The Star 22 October 2018). Namun, kebanyakan daripada mereka yang ditangkap adalah sebagai keldai akaun di mana mereka telah memberikan akaun atau kad mesin automatik (ATM) kepada orang lain yang berniat menyalahgunakannya untuk melakukan kegiatan jenayah siber. Oleh



sedemikian, sindiket penipuan cinta siber masih tidak dapat ditumpaskan. Dengan makna lain, penipuan cinta siber masih tidak dapat dibendung dengan sepenuhnya.

Menurut kajian, inisiatif untuk menangani jenayah siber tidak terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2015. Di samping itu, berpandukan bajet tahunan yang dibentang beberapa tahun kebelakangan ini, jarang ada peruntukan untuk meningkatkan tahap keselamatan siber walaupun jenayah siber ini kian berlaku di negara kita. Kebanyakan peruntukan kerajaan memfokuskan pembelian aspek logistik seperti persenjataan dan keperluan kenderaan untuk mengurangkan jenayah keganasan seperti kes pecah rumah, merompak dan sebagainya.



Berdasarkan kajian-kajian lepas, banyak penyelidikan berkenaan jenayah siber secara umum dilakukan sama ada di Malaysia maupun di negara barat. (Muhammad, Siti, Jusang & Akmar, 2017; Suzana, Ku, & Nor, 2012; Mohd & Ida, 2010; Mazlan & Amri, 2009; Ammar & Smitha, 2012; Hemraj, Yerra, & Panda, 2012; Muhamad, Muhammad, Khairul, Syamsul & Mohd, 2013). Namun, kajian yang memfokuskan kepada kes penipuan cinta siber masih kurang dijalankan.

Selain itu, terdapat pelbagai kajian terhadap keberkesanan pendekatan pendidikan kempen kesedaran dalam menangani suatu masalah sosial atau jenayah. Misalnya, Mohd, Mohamed, Nur, dan Elias (2010) telah mengkaji keberkesanan pendekatan pendidikan kempen kesedaran anti dadah di Kedah.





Zainuddin (2009) telah membuat penyelidikan berkenaan keberkesanan pendekatan kempen pendidikan anti kutu sampah dan kajian terhadap keberkesanan pendekatan kempen pendidikan anti rokok telah dilakukan oleh Rokiah, Siti, dan Abd (2013). Walaubagaimanapun, kajian untuk mengkaji dan mengenal pasti keberkesanan pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap kes penipuan cinta siber masih jarang dilakukan. Sehubungan itu, kajian ini meneliti tahap keberkesanan pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap kes penipuan cinta siber di negeri Selangor.

1.4 Objektif Kajian



- a) Mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat negeri Selangor berkenaan penipuan cinta siber sebelum dan selepas kempen pendidikan.
- b) Menentukan keberkesanan pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber.
- c) Mengenal pasti tahap penerimaan masyarakat negeri Selangor terhadap pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber.
- d) Mengenal pasti tahap kepuasan masyarakat negeri Selangor terhadap kempen pendidikan penipuan cinta siber yang dijalankan.





1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan telah dikenal pasti iaitu:-

- i. Apakah tahap kesedaran masyarakat negeri Selangor berkenaan penipuan cinta siber sebelum dan selepas kempen pendidikan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran masyarakat sebelum dan selepas kempen pendidikan?
- iii. Apakah tahap penerimaan masyarakat negeri Selangor terhadap pendekatan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran masyarakat berkenaan penipuan cinta siber?
- iv. Apakah tahap kepuasan masyarakat negeri Selangor terhadap pendekatan kempen pendidikan penipuan cinta siber yang dijalankan?



Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- a) Ha: Terdapat hubungan positif antara kempen pendidikan dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber
- b) Ho: Tidak terdapat hubungan positif antara kempen pendidikan dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber






1.7 Kerangka Teori

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori bagi kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap penipuan cinta siber yang sering berlaku di negeri Selangor dengan menilai tahap kesedaran, tahap penerimaan dan tahap kepuasan responden terhadap kempen pendidikan tersebut. Secara dasarnya, dua teori asas iaitu Teori Pengetahuan, Sikap, dan Amalan (KAP) dan Teori Pemasaran Sosial. Teori Pengetahuan, Sikap, dan Amalan (KAP) yang diperkenalkan oleh Schwartz pada tahun 1976 merangkumi tiga elemen utama iaitu pengetahuan, sikap, dan amalan manakala Teori Pemasaran Sosial (Kotler & Zaltman, 1971) yang biasa digunakan untuk merujuk kepada plikasi kaedah pemasaran komersil dalam menangani isu-isu sosial yang mempunyai empat aspek iaitu produk, kos, tempat, dan promosi telah digunakan untuk mendasari kajian ini.






Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian



1.8 Kerangka Konsep

Satu kerangka konsep telah dibina khusus untuk digunakan dalam kajian ini sebagaimana yang dipaparkan dalam Rajah 1.2. Tiga elemen utama yang dititik berat dalam kajian ini ialah tahap kesedaran, tahap penerimaan, dan tahap kepuasan masyarakat terhadap kempen pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap penipuan cinta siber. Dengan menentukan tiga elemen tersebut, maka keberkesanan pendekatan bagi kajian ini dapat dikenal pasti.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional di bawah akan menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian ini.

1.9.1 Keberkesanan

Keberkesanan bermaksud satu tahap kemujaraban yang ingin dicapai. Dalam erti lain, keberkesanan membawa maksud perihal berkesan sesuatu tidakan. Mengikut konteks kajian ini, istilah keberkesanan merujuk kepada sejauh mana pendidikan kempen kesedaran mampu memberi impak yang positif dalam menyampaikan mesej tentang betapa bahayanya cinta siber dan mengurangkan jumlah kes penipuan cinta siber di negeri Selangor.



1.9.2 Kempen Pendidikan

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perkataan kempen bermaksud segala usaha, iaitu kegiatan dan tindakan yang dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan penerangan untuk mempengaruhi pendapat umum atau mendapatkan sokongan umum terhadap sesuatu matlamat dan kesedaran memberi erti sebagai peka atau mengambil tahu tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Dalam penyelidikan ini, kempen pendidikan bermaksud satu program atau aktiviti penerangan yang dirancang





dan dilakukan untuk memberi pengetahuan, pemahaman, dan penghayatan khusus terhadap kes penipuan cinta siber bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat.

1.9.3 Penipuan

Penipuan berasal dari perkataan tipu yang bererti perbuatan atau perkataan yang tidak jujur atau bohong, palsu dan sebagainya dengan maksud untuk menyesatkan, mengakali, dan mencari keuntungan peribadi tetapi merugikan orang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dalam kajian ini, penipuan bermaksud perbuatan sindiket menipu dan menjerat mangsa dengan pelbagai helah seperti memberi janji manis dan bersetuju untuk bercinta serta berkahwin dengan mangsa melalui alam maya untuk mendapatkan keuntungan wang.



1.9.4 Cinta Siber

Cinta siber bermaksud satu perhubungan intim antara dua individu yang berkenalan melalui internet (Monica dan Adrian, 2006). Dalam penyelidikan ini, cinta siber bermaksud mempunyai perasaan kasih sayang dan menjalin hubungan dengan seseorang dalam dunia alam maya.



1.10 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mesti mempunyai beberapa kepentingan yang boleh memanfaatkan kumpulan-kumpulan tertentu dan ia dapat memperbaiki sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku. Oleh sedemikian, kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan kepada pihak-pihak tertentu dalam menangani kes penipuan cinta siber di negeri Selangor.

1.10.1 Kepentingan Kepada Pihak Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Pusat

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat berkenaan penipuan cinta siber. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan kempen pendidikan sama ada ia berupaya meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang bahayanya cinta siber ataupun sebaliknya. Justeru itu, hasil dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan negeri dan kerajaan pusat untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam menangani kes penipuan cinta siber yang telah mencapai tahap yang membimbangkan.

1.10.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Memandangkan jumlah kes penipuan cinta siber semakin meningkat, kajian ini boleh membuka mata masyarakat bahawa kes penipuan cinta siber telah mencapai satu tahap yang membimbangkan dan masalah ini perlu dipandang serius serta perlu



mengambil langkah menangani dengan serta-merta. Institusi kekeluargaan memainkan peranan yang cukup penting dalam mengatasi masalah sosial ini. Oleh sedemikian, dengan adanya kajian ini, tahap kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan kerana pendekatan kempen pendidikan dipercayai dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman seseorang individu berkenaan sesuatu isu atau fenomena dan seterusnya dapat mengubah pendirian serta tingkah laku seseorang individu terutamanya apabila melihat contoh-contoh kes yang telah dilaporkan sebelum ini. Apabila tahap kesedaran masyarakat tentang penipuan cinta siber meningkat, mereka akan menjadi lebih peka dan tidak akan membiarkan diri sendiri dan orang di sekelilingnya turut terjerumus dalam kancang penipuan cinta siber.

1.10.3 Kepentingan Kepada Penyelidik



Kajian ini juga diharap akan dapat menjadi panduan kepada kajian masa depan berkenaan keberkesanan pendekatan kempen pendidikan kempen bagi meningkatkan tahap kesedaran tentang sesuatu isu atau situasi. Ini bermakna hasil dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada penyelidik yang lain untuk menentu sama ada mereka harus menggunakan pendekatan ini dalam kajian yang akan mereka laksanakan ataupun sebaliknya.





1.11 Skop Dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada beberapa perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Batasan-batasan kajian meliputi tempat kajian, sampel kajian, dan juga aspek kajian yang dipilih.

Tempat kajian yang dilakukan adalah di satu daerah dalam negeri Selangor kerana negeri Selangor merupakan negeri yang mencatatkan paling banyak berlakunya kes penipuan cinta siber berpandukan statistik yang diperoleh daripada JSJK Bukit Aman bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Selain itu, negeri Selangor juga adalah negeri yang maju yang menpunyai kemudahan capaian internet yang senang. Justeru masyarakat negeri Selangor gemar menggunakan perkhidmatan atas



Kajian ini hanya akan melibatkan masyarakat yang berada dalam lingkungan umur di antara 31 hingga 40 tahun. Golongan ini dipilih kerana berpandukan statistik yang diperolehi daripada JSJK Bukit Aman, mereka inilah yang paling banyak menjadi mangsa kes penipuan cinta siber yang dilaporkan di negeri Selangor. Sebanyak 80 mangsa kes penipuan cinta siber yang berada dalam lingkungan umur di antara 31 hingga 40 tahun dicatatkan bagi tahun 2014 daripada jumlah keseluruhan mangsa seramai 239. Jumlah mangsa tersebut meningkat kepada 134 mangsa bersamaan (34.98%) bagi tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, mangsa kes penipuan cinta siber bagi golongan masyarakat yang berada dalam lingkungan umur di antara 31 hingga 40 tahun terus meningkat kepada 202 orang. Bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, mangsa kes penipuan cinta siber bagi



golongan masyarakat yang berada dalam lingkungan umur di antara 31 hingga 40 tahun telah mencatatkan purata (32%) daripada jumlah keseluruhan yang dicatatkan berpandukan statistik yang diperolehi daripada JSJK Bukit Aman.

Berdasarkan laporan penemuan utama kajian penduduk dan keluarga Malaysia kelima pada tahun 2014 yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), purata umur minimum ingin untuk berkahwin ialah 31 tahun. Antara faktor utama lewat berkahwin adalah kekangan kewangan dan faktor pengembangan kerjaya. Kebanyakan orang mula ada keinginan untuk berkahwin apabila mereka mencapai umur 30 ke atas kerana status kewangan dan pengembangan kerjaya mereka adalah lebih stabil. Mereka juga mula mengalami tekanan daripada ahli keluarga dan saudara-mara supaya cepat berkahwin dan risiko kesuburan turut menjadi satu perkara yang perlu diambil berat jika lewat berkahwin. Justeru itu, mereka mengambil langkah untuk mencari pasangan atau berkenalan dengan kawan baru di laman sosial dengan tujuan untuk memperkembangkan rangkaian perhubungan. Penyelidik akan memilih 400 orang responden secara rawak untuk dijadikan sampel kajian.

Maklumat yang dikumpul terbatas kepada kesediaan responden untuk memberi perspektif atau pendapat mereka dengan baik. Oleh sedemikian, untuk membuat generalisasi dapatan ini kepada populasi yang lebih besar perlu dibuat dengan lebih berhati-hati. Selain itu, hanya sejenis jenayah siber iaitu kes penipuan cinta siber dan sejenis pendekatan sahaja dikaji dalam penyelidikan ini supaya penyelidik dapat memfokus dan mengkaji dengan teliti skop kajian yang telah ditetapkan.



1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyelidikan ini secara umum. Bab yang seterusnya memfokuskan tinjauan terhadap kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain tentang topik ini. Kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian juga akan dibincangkan dalam bab tersebut.

